

# 'Fasa pemulihan bukti kita berjaya'

PM ingatkan rakyat terus patuhi SOP, sentiasa amal normal baharu

Oleh Rohaniza Idris, Mohd Iskandar Ibrahim, Muhammad Yusri Muzamir, Ahmad Suhael Adnan dan Hamzah Osman  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Hidup diselubungi kebimbangan ancaman musuh tidak kelihatan sambil mengamalkan normal baharu kehidupan yang jauh daripada kelonggaran dengan pergerakan dikawal sekatan, bukan sesuatu yang mudah ditempuh sepanjang lebih 80 hari lalu.

Walaupun ada yang ingkar, namun majoriti rakyat bersabar di sebalik kepayahan pelbagai peraturan dikuat kuasakan menerusi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu dan disusuli PKP Bersyarat (PKPB) hingga Selasa ini.

Kesabaran rakyat bekerjasama memerangi COVID-19, nyata berbaloi apabila Perdana Menteri semalam, mengumumkan kejayaan mengekang pandemik maut itu, membolehkan negara kini memasuki fasa pemulihan yang menjadi sebahagian strategi keluar daripada PKP.

Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, PKPB yang akan berakhir Selasa ini, akan digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan

pemulihan (PKPP), bermula pada 10 Jun hingga 31 Ogos ini.

"Dalam tempoh PKPP ini, lebih banyak kelonggaran diberi kepada saudara-saudari untuk menjalani aktiviti kehidupan seharian, di samping mematuhi prosedur operasi standard (SOP) secara berterusan.

"Mulai 10 Jun, perjalanan rentas negeri dibenarkan, kecuali kawasan yang masih diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Jadi, mereka yang ingin menziarahi ibu bapa tinggal berjauhan, sudah boleh berbuat demikian.

"Cuma nasihat saya, sentiasalah jaga kebersihan diri. Pakai pelitup muka apabila di tempat awam dan elakkan tempat sesak ketika pulang ke kampung. Ingat, ibu bapa anda adalah warga emas, mereka dalam kategori mudah terdedah jangkitan.

"Walaupun seronok menziarahi mereka, tanggungjawab utama kita ialah melindungi mereka daripada terkena jangkitan," katanya menerusi perutusan khas yang dinanti-nantikan rakyat di seluruh negara, semalam.

Ingatan Perdana Menteri itu menunjukkan bahawa pentingnya setiap lapisan rakyat mematuhi SOP ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam menikmati kelonggaran PKPP kerana tanggungjawab mengawal penularan jangkitan kini terletak di bahu sendiri.

Sebagai rekod, langkah kerajaan menguatkuasa PKP mulai 18 hingga 31 Mac bagi mengekang penularan COVID-19 adalah langkah pertama dalam sejarah negara menguatkuasakan perintah seumpama itu, apabila hanya sek-

tor keperluan asas saja dibenarkan beroperasi.

Perintah kawalan itu dilaksanakan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 348) dan Akta Polis 1967, membabitkan larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya.

Kejayaan kawalan jangkitan dengan kerjasama rakyat dalam mematuhi peraturan, mulai 4 Mei lalu, kerajaan menggantikan PKP kepada PKPB, membolehkan beberapa sektor kembali beroperasi semula bagi menggerakkan ekonomi negara.

Dalam perutusannya, Muhyiddin mengumumkan, sepanjang tempoh PKPP, semua aktiviti sosial, pendidikan, keagamaan, perniagaan, sektor ekonomi dan sebagainya, akan kembali beroperasi sepenuhnya secara berperingkat dengan pematuhan kepada SOP.

Beliau berkata, kerajaan melaksanakan PKPP berteraskan tujuh strategi iaitu Penguatan Kesihatan Awam; Perundangan dan Penguatkuasaan; Penguatan Kawalan Sempadan; Pembukaan Sepenuhnya Sektor Ekonomi; Pembudayaan Kebiasaan Baharu; Pemerkasaan Tanggungjawab Komuniti; dan Perlindungan Golongan Berisiko.

Muhyiddin berkata, menerusi PKPP, aktiviti komersial membatikkan urusan niaga jualan dan pemasaran bukan dalam premis perniagaan juga dibenarkan, selain aktiviti pelancongan domestik.

"Termasuk dalam senarai dibenarkan juga ialah lawatan ke muzium, *indoor busking*, dobi la-



Dalam tempoh PKPP ini, lebih banyak kelonggaran diberikan kepada saudara-saudari untuk jalani aktiviti kehidupan seharian, di samping mematuhi SOP secara berterusan.

Muhyiddin Yassin,  
Perdana Menteri

yan diri, aktiviti perikanan rekreasi, termasuk kolam pancing komersial dan penggambaran filem.

"Mesyuarat dan bengkel juga dibenarkan dengan syarat mematuhi sepenuhnya protokol kesihatan dan mengoptimumkan ruang," katanya.

Bagi kategori sukan, Perdana Menteri mengumumkan beberapa jenis sukan dan rekreasi dibuka semula dengan pematuhan kepada SOP, termasuk latihan persediaan pasukan permainan sukan, aktiviti tidak membabitkan sentuhan badan seperti boling, badminton, memanah dan menembak. Aktiviti berkumpulan di luar seperti kayuhan basikal dan konvoi motosikal juga dibenarkan.

"Yang masih tidak dibenarkan ialah pertandingan sukan atau permainan membabitkan perhimpunan penyokong atau penonton yang ramai di stadium, sukan renang, kolam renang awam dan sukan bersentuhan seperti ragbi, gusti, tinju, bola sepak, bola keranjang serta hoki," katanya.

Perdana Menteri berkata, strategi pelaksanaan kelonggaran PKPP akan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Khas Menteri Mengenai Pelaksanaan PKPP dipengerusikan Menteri Kanan (Pertahanan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakub.

Pada peringkat kerajaan negeri, strategi itu dilaksanakan jawatan-kuasa diwujudkan Menteri Besar atau Ketua Menteri dengan kerjasama dan sokongan semua pihak, termasuk jentera Kerajaan Pusat dan negeri, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pemimpin dan ketua komuniti.

Selaras fasa penjanaaan semula ekonomi negara dan tiada lagi sekatan rentas negeri, aktiviti pelancongan domestik kini dibenarkan di bawah PKPP.

Perdana Menteri berkata, rakyat kini boleh membawa keluarga masing-masing melancong dalam negeri dengan mengamalkan kebiasaan baharu, selepas hampir tiga bulan tidak ke mana-mana, tetapi melancong keluar negara masih belum dibenarkan.

Mengenai pembukaan semula institusi pendidikan, Muhyiddin menyatakan sekolah akan dibuka secara berperingkat dalam tempoh PKPP ini, selepas mendapat nasihat Kementerian Kesihatan.

"Kementerian Pendidikan akan membuat pengumuman terperinci mengenainya sedikit masa lagi," katanya.

Dalam tempoh pemulihan menuju normalisasi ini, Perdana Menteri menyatakan beberapa aktiviti dan sektor dalam senarai negatif ketika PKPB dilonggarkan atau dibuka berdasarkan SOP.